

RINGKASAN KORPORAT

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan pada 1951 merupakan salah satu tabung simpanan persaraan yang tertua dan antara yang terbesar di dunia. KWSP telah melalui transformasi yang ketara berbanding pada awal penubuhannya, dan sebahagian besar perubahan ini telah dipacu oleh Visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

Seiring dengan Misi KWSP untuk melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik, KWSP telah berkembang daripada sebuah organisasi yang pada awalnya berpaksikan transaksi kepada sebuah organisasi pengurusan dana profesional dengan tumpuan terhadap jaminan persaraan.

KWSP menyelia simpanan persaraan mandatori untuk semua pekerja swasta dan tidak berpencen di negara ini. KWSP berdasarkan model caruman wajib iaitu kedua-dua pekerja dan majikan mencarum peratusan yang telah ditetapkan daripada gaji bulanan pekerja ke dalam akaun pekerja (ahli). Berdasarkan undang-undang, KWSP turut memastikan bahawa 540,833 majikan yang berdaftar dengannya setakat 31 Disember 2016, memenuhi tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada simpanan persaraan pekerja mereka. Keahlian KWSP meningkat dari tahun ke tahun dan kini bilangan ahlinya telah mencecah 14,806,595 di mana 6,882,983 merupakan ahli aktif (ahli yang mencarum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 12 bulan).

Mandat yang diberikan kepada KWSP bukan sekadar memelihara, tetapi juga untuk menambah aset ahlinya. Setakat 31 Disember 2016, jumlah aset pelaburan KWSP telah mencecah RM731.11 bilion. Berpandukan polisi pelaburan yang ketat, KWSP melaburkan asetnya dalam portfolio instrumen yang selamat, dan secara relatifnya, memberi hasil pulangan yang tinggi. Aset KWSP terdiri daripada pelbagai jenis kelas aset yang merangkumi bon dan sekuriti kerajaan, diimbangi dengan pelaburan dalam ekuiti, instrumen pasaran wang serta hartanah.



NILAI BERSAMA KWSP



INTEGRITI

KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar berhubung dengan pelanggaran integriti dan etika agar dapat mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi dalam kalangan ahlinya.

UTAMAKAN PELANGGAN

KWSP beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang pantas, tepat dan mudah secara konsisten kepada ahlinya, sama ada khidmat yang disediakan di kiosk, melalui telefon, secara bersemuka, urus niaga atas talian, e-mel atau surat.

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

KWSP menggalakkan budaya yang dipacu prestasi dan memastikan warga kerjanya sentiasa menjalani latihan serta meningkatkan kemahiran agar dapat bergerak seiring dengan perubahan pesat dalam persekitaran operasi yang menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

KWSP memupuk budaya kerja berpasukan dengan menghapuskan pemikiran silo bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan bertenaga.

ANUGERAH

ASIANINVESTOR INSTITUTIONAL EXCELLENCE AWARDS 2016

- Southeast Asia

PENSIONS & INVESTMENT'S WORLDPENSIONSUMMIT INNOVATION AWARDS 2016

- Kategori Komunikasi di Louwman Museum, The Hague Netherlands untuk inisiatif Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) KWSP

HR ASIA BEST COMPANIES TO WORK FOR IN ASIA 2016

MALAYSIA'S 100 LEADING GRADUATE EMPLOYERS 2016

- Tempat ke 62 untuk Top 100 Most Popular Employers
- Government-Linked Companies Sector Finalist

UNIVERSUM MALAYSIA'S MOST ATTRACTIVE EMPLOYER AWARD

- Top 100



Malaysia's 100 Leading Graduate Employers 2016
Tempat ke 62 untuk Top 100 Most Popular Employers

HR Asia Best Companies To Work For In Asia 2016

AsianInvestor Institutional Excellence Awards 2016
Southeast Asia

Anugerah Pelabur Islamik 2015
Penyedia Penyelesaian Institusi Terbaik

GRADUAN® BRAND AWARDS 2015

- Tempat ke-32 untuk Top 50 Most Preferred Employers
- Tempat Pertama untuk Top 3 Companies by Industry (Government)

ANUGERAH KECEMERLANGAN E-BAYARAN SECARA PENDEBITAN TERUS (E-CARUMAN)

- Tempat kedua

PROGRAM SISTEM STAR RATING (SSR) 2015

- Penarafan 5 Bintang untuk kali keempat berturut-turut

PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

- Pengekalan Pensijilan

PENSIJILAN ISO/IEC 20000-1:2011

- Audit Pemantauan

SIJIL AUDIT BERSIH BAGI PENGAUDITAN KEWANGAN 2015

ANUGERAH PELABUR ISLAMIK 2015

- Penyedia Penyelesaian Institusi Terbaik

PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEMS


- Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN

	2012	2013	2014	2015	2016
Ringkasan Keputusan Kewangan	RM JUTA				
Pendapatan Pelaburan Kasar	31,024.94	35,000.36	39,076.48	44,234.03	46,557.22
Pendapatan Pelaburan Bersih	28,970.55	32,532.72	37,824.88	40,701.25	37,917.09
Pendapatan-pendapatan Lain	98.81	156.63	165.82	231.71	196.31
Jumlah Pendapatan	29,069.36	32,689.35	37,990.69	40,932.96	38,113.39
Jumlah Perbelanjaan *	860.81	1,227.75	1,175.85	1,245.88	1,248.26
Pendapatan Bersih	28,208.55	31,461.60	36,814.84	39,687.08	36,865.13
Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli	27,450.92	31,200.17	36,656.46	38,243.40	37,076.32
Ringkasan Kedudukan Kewangan	RM JUTA				
Jumlah Dana Ahli **	532,274.73	593,450.87	640,207.42	688,294.55	737,048.39
Jumlah Aset	536,029.19	597,820.50	646,697.25	696,113.49	742,324.48
Jumlah Liabiliti	3,754.46	4,369.63	6,489.83	7,818.94	5,276.09
Nisbah Kewangan Utama	SEMUA DALAM PERATUS (%)				
Pulangan Pelaburan	6.87	6.97	7.25	7.48	7.12
Jumlah Perbelanjaan Ke atas Jumlah Pendapatan Kasar ***	2.71	3.48	2.99	2.78	2.67
Jumlah Perbelanjaan Ke atas Jumlah Aset	0.16	0.21	0.18	0.18	0.17
Pertumbuhan Pelaburan	12.31	11.37	11.13	8.42	7.34
Kadar Dividen Tahunan	6.15	6.35	6.75	6.40	5.70

Pendapatan Pelaburan Kasar

RM Juta



* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.


** Terdiri daripada Akaun Caruman, Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (mulai tahun 2010 dan seterusnya) dan Rizab Seksyen 50(3)(sehingga tahun 2011 sahaja).

*** Jumlah Pendapatan Kasar termasuk rosot nilai atas aset kewangan dicatat semula serta pembalikan rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu.

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN


Jumlah Pendapatan

RM Juta




Pendapatan Bersih

RM Juta




Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli

RM Juta




Jumlah Aset

RM Juta




Pulangan Pelaburan

Semua dalam Peratus (%)



Jumlah Dana Ahli

RM Juta



DIARI KORPORAT 2016

JANUARI

- 8 Lawatan dari TalentCorp Malaysia



- 13 Lawatan dari Pertubuhan Keselamatan Sosial
- 21 Majlis Dialog bersama Institusi Pengurusan Dana & Federation of Investment Managers Malaysia



- 22 Perasmian KWSP Manjung
- 27 Perasmian KWSP Seri Petaling

FEBRUARI

- 15 Lawatan dari Pos Malaysia
- 18 Sambutan Tahun Baru Cina di Ibu Pejabat



- 22 Taklimat Media Dividen KWSP 2015

MAC



- 2 Lawatan dari Unified Accumulative Pension Fund of Kazakhstan
- 8 Lawatan dari Administrative Staff College of India



- 21 Lawatan dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
- 29 Lawatan dari Lembaga Tabung Haji

APRIL

- 5 Lawatan dari Perodua
- 7 Majlis Makan Malam Anugerah Tahunan Pengurus Portfolio KWSP 2016
- 8 Perasmian KWSP Jalan Raja Chulan



- 14 Persidangan Pengurusan KWSP 2016



- 20 Sesi Taklimat Simpanan Shariah

MEI

- 3 Taklimat Media Laporan Tahunan 2015 KWSP

- 6 Perasmian KWSP Kuala Krai



- 25 Perasmian KWSP Batu Pahat
- 26 Lawatan dari Mantan Pengerusi KWSP Tan Sri Sallehuddin Mohamed
- Lawatan dari Salaries & Remuneration Commission Kenya

JUN

- 1 Lawatan dari Polis Diraja Malaysia
- 2 Lawatan dari Human Resources Development Fund Malaysia
- 14 Lawatan dari Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia



- 16 Lawatan dari Bhutan National Pension and Provident Fund
- 20 Taklimat Media Simpanan Shariah



- 22 Majlis Berbuka Puasa di Ibu Pejabat KWSP

DIARI KORPORAT 2016

JULAI

- 15 Lawatan dari Singapore High Commissioner
- 29 Majlis Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat KWSP

OGOS

- 1 Majlis Perasmian Mobile Team



- 2 Lawatan dari Lembaga Tabung Angkatan Tentera



Lawatan dari Timbalan Menteri Kewangan I & II



- 8 Pendaftaran Simpanan Syariah bermula
- 9 Lawatan Datuk Johari Abdul Ghani, Menteri Kewangan II
- 10-11 Seminar Keselamatan Sosial Kebangsaan 2016
- 26 Lawatan dari General Organisation kepada Social Insurance Saudi Arabia

SEPTEMBER



- 2 Lawatan dari Maybank

OKTOBER



- 4 Sambutan Ulangtahun KWSP ke-65



- 8 Program Hari Sukan Negara 2016 Peringkat Kebangsaan
- 17 Lawatan dari Kolej Universiti Islam Melaka



- 31 Lawatan dari Universiti Malaya
Penempatan semula KWSP Shah Alam di IDCC Shah Alam

NOVEMBER



- 2 Perasmian KWSP Kepong
- 7 Lawatan dari Egyptian Financial Supervisory Authority dan World Bank
- 8 Lawatan dari Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
- 8-9 Seminar Persidangan Undang-undang 2016



- 23 Hari Integriti KWSP



- 25 Majlis Makan Malam Ibu Pejabat KWSP 2016

DISEMBER



- 22 Lawatan dari Social Security Administering Body for Employment, Indonesia

PERUTUSAN PENGERUSI



“Tahun 2016 menyaksikan pemulihan sederhana ekonomi global berikutan cabaran persekitaran pelaburan dalam ekonomi maju dan sedang berkembang.”

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
Pengerusi

Dari sudut perspektif kewangan, kami mengakhiri tahun dengan merekodkan RM46.56 bilion pendapatan pelaburan kasar (rekod tertinggi sejak penubuhan KWSP pada 1951) dengan pulangan pelaburan kasar (ROI) sebanyak 7.12 peratus.

PERSPEKTIF 2016

Tahun 2016 telah terbukti satu lagi tahun yang mencabar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di tengah-tengah persaingan sengit untuk aset yang berkualiti dan mampan, ditambah pula dengan prestasi lemah ekonomi domestik dan global. Keadaan persekitaran yang mencabar ini turut dirumitkan lagi dengan ketidakpastian masa depan Kesatuan Eropah, kesan daripada Brexit dan pertandingan sengit dalam pilihan raya Presiden AS dan keputusannya. Dari sudut perspektif kewangan, kami mengakhiri tahun dengan merekodkan RM46.56 bilion pendapatan pelaburan kasar (rekod tertinggi sejak penubuhan KWSP pada 1951) dengan pulangan pelaburan kasar (ROI) sebanyak 7.21 peratus. Walaupun mencatatkan pendapatan pelaburan yang rendah iaitu RM20.49

bilion pada separuh pertama, prestasi kami telah bangkit dengan ketara pada separuh kedua dengan mencatatkan RM26.07 bilion.

Alhamdulillah, saya juga berbangga menyatakan yang KWSP telah mencatatkan beberapa kejayaan penting pada 2016 antaranya:

- Menjadi dana persaraan pertama di dunia memperkenalkan akaun simpanan patuh syariah kepada ahli, dan
- Memperkenalkan beberapa penambahbaikan penting dalam Akta KWSP 1991 dengan menubuhkan Akaun Emas, pelaburan lanjutan kepada ahli yang memilih untuk bekerja selepas umur 55 hingga 60 tahun.

PERUTUSAN PENGERUSI

RM46.56

 bilion

Pendapatan Pelaburan Kasar

(Rekod tertinggi sejak penubuhan KWSP pada 1951)



Dana Persaraan Pertama Di Dunia memperkenalkan **Akaun Simpanan Patuh Syariah Kepada Ahli**



Akaun Emas perlindungan kedua kepada ahli yang memilih untuk bekerja selepas **umur 55 hingga 60 tahun**


Mengumumkan

2016 Dividen



Pelaburan dalam

Aset Syariah



KEKAL KUKUH BERDEPAN CABARAN

Tahun 2016 menyaksikan pemulihan sederhana ekonomi global berikutan cabaran persekitaran pelaburan dalam ekonomi maju dan sedang berkembang.

KWSP terus kukuh dalam berdepan situasi menarik dan dramatik sepanjang 2016 berikutan kesan global akibat pertumbuhan ekonomi China yang perlahan. Persaingan untuk kerusi Presiden AS ke-45 antara Hillary Clinton dan Donald Trump telah memberi kesan kepada pasaran saham. Faktor luar lain adalah Brexit telah menambah ketidakpastian nilai Pound Sterling dan harga minyak mentah dunia Brent jatuh ke paras bawah USD30 setong, iaitu terendah dalam tempoh 13 tahun, lalu menyebarkan reaksi kejatuhan merentasi pasaran berpendapatan tetap.

Walapun begitu, kami kekal fokus dalam pelaburan jangka panjang, berkualiti tinggi dan aset kurang risiko dan dalam masa yang sama memastikan tahap tadbir urus yang terbaik telah membantu kami untuk menangani cabaran dan pada akhir tahun kami mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM46.56 bilion dan mengumumkan dividen 2016 sebanyak 5.70 peratus.

PELANCARAN SIMPANAN SHARIAH

Pada 8 Ogos 2016 telah terpacu sebagai detik bersejarah sejarah kepada KWSP apabila kami membuka pendaftaran Simpanan Syariah kepada semua ahli, menawarkan mereka pilihan daripada simpanan sedia ada yang kini dikenali sebagai Simpanan Konvensional, untuk diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip syariah.

Malaysia merupakan peneraju dan penginovasi terkemuka dalam produk kewangan Islam. Laporan Kewangan Islam Global 2016¹ menerbitkan Indeks Kewangan Islam Negara (IFCI) yang mana meletakkan Malaysia di kedudukan pertama buat pertama kalinya

KWSP menjadi antara dana persaraan terbesar dunia, sekali gus melonjakkan kedudukan Malaysia di dalam pasaran modal Islam dengan pelancaran inisiatif Simpanan Syariah.

dalam sejarah indeks berkenaan diperkenalkan, secara rasmi mengiktiraf negara kita sebagai peneraju pasaran kewangan Islam dunia. KWSP menjadi antara dana persaraan terbesar dunia, sekali gus memperkukuhkan kedudukan Malaysia di dalam pasaran modal Islam dengan pelancaran inisiatif Simpanan Syariah. Dengan alokasi RM100 bilion buat permulaan, Simpanan Syariah merupakan penghijrahan atau pertukaran terbesar sistem kewangan setakat ini.

Kemajuan dan pengenalan Simpanan Syariah adalah hasil rundingan bersama ahli yang dilakukan pada 2015, di mana 71 peratus responden bersetuju untuk KWSP memperkenalkan pilihan simpanan berasaskan syariah. Adalah diharapkan, melalui Simpanan Syariah kami akan mendapat manfaat sebagai peneraju dan menjadi pemacu kepada industri kewangan Islam yang dijangkakan mencecah nilai RM16 trilion pada akhir 2020.

Kami berpandangan pelaburan syariah adalah salah satu komponen dalam pelaburan mampan di mana ia berasaskan konsep perkongsian risiko. Kami berada di landasan betul untuk mengembangkan pelaburan dalam aset syariah – ketika ini 45 peratus daripada jumlah keseluruhan aset kami adalah patuh syariah dan jangkaan untuk meningkatkannya kepada sekurang-kurangnya purata RM25 bilion setahun.

Secara amnya, KWSP akan memastikan secara menyeluruh, Peruntukan Aset Strategik adalah bersesuaian antara aset berasaskan konvensional dan patuh syariah dari segi jangkaan pulangan. Bagaimanapun, aset pelaburan akan diasingkan kepada portfolio syariah dan bukan syariah dengan dua set dividen berlainan. Bagi memastikan semua pelaburan diuruskan dan dikawal selia berasaskan prinsip syariah, Jabatan Simpanan Syariah telah ditubuhkan pada 2016, manakala Jawatankuasa Penasihat Syariah telah ditubuhkan sejak tahun 2010.

TRANSAKSI LANCAR, LEBIH MUDAH

Dalam usaha memastikan setiap transaksi lebih efisien, kami telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada fasiliti atas talian, seperti e-Pengeluaran untuk ahli dan e-Caruman untuk majikan. Pada April 2016, kami kembangkan lagi fasiliti e-Pengeluaran dengan memasukkan Pengeluaran Pendidikan, di mana ahli boleh menghantar permohonan pengeluaran daripada simpanan KWSP secara atas talian untuk membiayai pendidikan sendiri atau anak-anak dalam institusi pengajian tinggi.

Tahun 2016 juga menyaksikan KWSP menjalin kerjasama strategik dengan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia dan pengendali sistem FPX menerusi pelancaran Program Transformasi Bayaran Caruman. Integrasi antara FPX dan fasiliti e-Caruman milik KWSP membolehkan majikan membuat bayaran dari portal e-Caruman dan aplikasi mudah alih tanpa sebarang caj secara atas talian.

Segalanya mudah sentiasa menjadi sebahagian daripada keutamaan operasi kami dan dalam perkara ini, kami mahu memastikan pertukaran dari Simpanan Konvensional kepada Simpanan Syariah boleh dilakukan dengan lancar, selesa dan efisien oleh ahli dan juga majikan. Kami mampu mengekalkan operasi dan proses yang sama bermula dari pendaftaran hingga ke

¹ Global Islamic Finance Report 2016; Islamic Finance Policy, "Islamic Finance Country Index - IFCI 2016, Table 7: Adjusted IFCI Scores for 2016"

PERUTUSAN PENGERUSI



Selepas 65 tahun, kami telah membuat sedikit perubahan kepada logo untuk kelihatan lebih jelas, baru dan moden namun dalam masa yang sama mengekalkan rekaan identiti.

pengeluaran, dengan hanya sedikit perubahan untuk mematuhi keperluan syariah. Ahli yang berhajat untuk bertukar ke Simpanan Syariah hanya perlu menunjukkan kad pengenalan dan menurunkan cap jari pada *Akad Wakalah* (kontrak perjanjian). Bagi majikan, tiada sebarang perubahan untuk proses caruman semasa.

PENUAAN AKTIF

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dalam Laporan Populasi Tua Dunia 2015², telah menjangkakan Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2030 di mana individu berumur 60 dan ke atas akan meningkat kepada 14 peratus daripada keseluruhan populasi. Ketika Malaysia menikmati peningkatan jangka hayat daripada purata umur 50 tahun pada 1950an kepada purata umur 75 tahun, isunya bukanlah mengenai jangka hayat yang lama tetapi lebih kepada kualiti kehidupan apabila menempuhi usia tua.

Lebih kurang 14 tahun lagi sebelum menjelang 2030 merupakan tempoh yang cukup singkat kepada Kerajaan Malaysia untuk mengenal pasti isu-isu kompleks seperti perlindungan sosial dan polisi awam dan pembangunan infrastruktur nasional dan bagi memastikan negara mempunyai infrastruktur perlindungan sosial yang kukuh. Menganggap isu ini sebagai berpotensi menjadi krisis, KWSP telah bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan untuk menyediakan maklumat dalam membangunkan polisi dan perundangan dalam bidang berkaitan perlindungan sosial seperti umur minimum persaraan dan polisi pengambilan semula.

Pada Ogos 2016, kami telah menganjurkan Persidangan Perlindungan Sosial Antarabangsa (ISSC) ke-5 di mana pakar dan tokoh industri dari seluruh dunia berkumpul di Kuala Lumpur untuk membincangkan mengenai isu dan cabaran dalam perlindungan sosial. Bertemakan “*Peningkatan Usia Tua: Hidup Lama dan Bahagia*”, ISSC 2016 telah berjaya menarik kehadiran pakar dari Malaysia, Denmark, Kanada, Jepun, Hong Kong dan Singapura untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam penuaan secara sihat, bagaimana untuk memperkenalkan komuniti mesra usia tua, dan juga menggalakkan perhubungan antara generasi tua dalam persekitaran ekonomi dan sosial. Selain membangkitkan definisi cabaran persaraan, ahli panel turut mengulas mengenai bagaimana warga tua boleh dibantu dan dijaga menggunakan teknologi robotik termoden.

Dari sudut global, kami berbesar hati kerana usaha kami dalam merintis Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) pertama di rantau ini dan telah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa apabila kami menerima 2016 WorldPensionSummit Innovation Awards. Anugerah ini akan menggalakkan dan memberi motivasi kepada kami untuk menambah baik dan berinovasi dalam usaha menyampaikan mandat kami kepada ahli.

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-65 DAN PEMODENAN PENJENAMAAN

Sambutan ulang tahun ke-65 merupakan sambutan yang cukup istimewa buat KWSP. Selain dari menghargai kejayaan yang tercapai dan menegaskan komitmen berterusan kepada ahli, kami juga mengambil peluang

untuk memberi nafas baharu kepada logo KWSP dan melancarkan inisiatif penjenamaan.

Mengambil kira perubahan demografi yang pantas, KWSP telah berubah dan berevolusi sejak dekad-dekad lalu dan kami merasakan sudah sampai masanya untuk jenama kami turut bergerak seiring dengan pembangunan dan jangkaan tinggi ahli. Selepas 65 tahun, kami telah membuat sedikit perubahan kepada logo untuk kelihatan lebih jelas, baru dan moden namun dalam masa yang sama mengekalkan identiti visual yang kukuh yang telah membuatkan KWSP mudah dikenali dan dipercayai oleh rakyat Malaysia. Kami berharap penjenamaan dan logo baru akan menggambarkan kesungguhan dan semangat dalam menyemai nilai teras untuk sentiasa menambah baik organisasi demi memberi perkhidmatan terbaik kepada ahli.

MENAMBAH BAIK SKIM DAN POLISI KWSP

Memastikan pendapatan yang mencukupi bagi mengekalkan kesejahteraan gaya hidup selepas persaraan terus menjadi fokus utama kepada ahli kami. Sebagai dana persaraan bertanggungjawab, sudah menjadi keutamaan kepada kami untuk membantu ahli kami bersara dalam keadaan kesejahteraan yang munasabah dan dengan harga diri. Ini menjadi sebab mengapa kami memperkenalkan beberapa pendekatan seperti Akaun Emas (Pengeluaran pada usia 60 tahun), di mana ia menjadi perlindungan kedua kepada individu yang terus bekerja selepas umur 55 tahun, tambahan kepada pengeluaran sedia ada oleh ahli pada usia 55

² United Nations World Population Ageing Report 2015: Annex III Summary Tables: “Table A.III.1 Population aged 60 years or over, percentage of population aged 60 years or over and median age, 2015, 2030, 2050”

PERUTUSAN PENGERUSI

tahun. Semua caruman yang diterima dari umur 55 tahun hingga 60 tahun akan diletakkan dalam Akaun Emas di mana pengeluaran hanya boleh dibuat sekali oleh ahli pada umur 60 tahun, selari dengan umur minimum persaraan baru. Kami ingin menyakinkan ahli bahawa tiada perubahan pada pengeluaran umur 55 tahun.

Selain itu, penambahbaikan polisi KWSP yang penting termasuklah memansuhkan keperluan saksi ketika ahli ingin membuat penama, melanjutkan pembayaran dividen dari umur 75 tahun ke 100 tahun dan menyelaraskan skim pengeluaran untuk pencarum asing.

MENGAMALKAN NILAI TERAS KAMI

Usaha berterusan kami untuk membina budaya kerja terbaik, nilai dan persekitaran telah mula membuahkan hasil apabila kami memenangi *HR Asia Best Companies to Work For in Asia 2016* untuk kali kedua berturut-turut. Objektif utama dalam usaha kami adalah mewujudkan organisasi yang mana bakat kami bukan sahaja diberi penghargaan dan pengiktirafan sewajarnya tetapi juga menjadi platform terbaik untuk tujuan murni.

Saya gembira melihat contoh-contoh yang menunjukkan budaya positif yang ditunjukkan ketika kami melancarkan Simpanan Syariah. Ketika kami buka untuk pendaftaran, ahli membanjiri kaunter kami di seluruh negara, ada diantaranya seawal jam 7 pagi sebelum pintu dibuka. Bagaimanapun, barisan hadapan kami telah bersedia sepenuhnya untuk berdepan dengan situasi berkenaan, dengan semua cawangan membuka operasi lebih awal daripada biasa dan ada di antara mereka membuat sistem barisan beratur yang unik untuk menguruskan pelanggan. Pada hari pertama seramai 41,583 ahli di seluruh negara telah bertukar kepada Simpanan Syariah. Pada akhir Ogos, kami menerima lebih 350,000 permohonan bersamaan kira-kira RM38 bilion nilai aset. Kami menutup pendaftaran pada 23 Disember 2016, sejumlah 635,037 ahli telah membuat pertukaran dan sebanyak RM59.03 bilion daripada peruntukan RM100 bilion telah dilanggan.

Bermula dari peringkat konsep sehinggalah kepada pembukaan pendaftaran Simpanan Syariah, kakitangan kami telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang cukup tinggi untuk menjayakannya. Tahap kesungguhan seluruh kakitangan kami, terutamanya yang dipamerkan oleh barisan hadapan yang bersabar berurusan dengan ahli tanpa henti, layak untuk dihargai. Empat nilai teras KWSP – Utamakan Pelanggan, Penambahbaikan Berterusan, Semangat Kerja Berpasukan dan Integriti



– telah diuji dan saya berbangga kerana kakitangan kami berjaya lulus dengan cemerlang. Di samping itu, kepimpinan yang kuat dan pengurusan yang kukuh telah memainkan peranan utama dalam memastikan penerapan nilai teras secara berterusa yang kini telah menjadi pendorong kepada semua warga KWSP untuk sama-sama membawa KWSP ke tahap lebih tinggi.

JANGKAAN 2017

Ketidaktentuan geopolitik yang berterusan hampir pasti menjadikan 2017 sebagai satu lagi cabaran kepada ekonomi dunia. Kami kekal dengan pendekatan jangka panjang kami dalam pelaburan dan dalam masa yang sama melaksanakan program transformasi, untuk meletakkan kedudukan KWSP dengan kepakaran dan kapasiti terbaik untuk masa depan.

Bagi memastikan persaraan ahli terjamin, kami akan meneruskan agenda peka pelaburan, kerjasama dengan pihak berkaitan, menegaskan kepentingan untuk mengambil alih urusan kewangan peribadi lebih awal. Memandangkan perancangan persaraan adalah usaha yang berterusan, kami merancang untuk menambah RAS daripada 18 kepada 28 di seluruh negara dalam usaha meningkatkan akses kepada ahli.

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan yang telah memberi sokongan yang cukup kuat kepada usaha kami dan memastikan struktur tadbir urus yang baik diamalkan bagi membolehkan KWSP berjaya dan mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mampan.

Saya juga ingin menghargai sokongan kerajaan dan agensi di bawahnya, terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia di atas hubungan dan kerjasama yang berterusan dengan kami dalam usaha menyediakan persaraan yang terbaik kepada ahli kami.

Sebagai Pengerusi, saya mengucapkan selamat datang kepada ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan yang baru dilantik di dalam KWSP dan ucapan terima kasih dan selamat maju jaya kepada semua ahli yang tamat perkhidmatan di atas sumbangan sepanjang bertugas. Bagi pihak KWSP, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Datuk Dr Sundaran Annamalai, bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan yang telah meninggal dunia pada 5 Mei 2016 dan Allahyarham Encik Khalid Atan, bekas presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang telah meninggal dunia pada 26 Januari 2016.

Penghargaan utama saya adalah kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan di atas kepimpinan dan keupayaan beliau memacu organisasi ini di landasan yang betul selari dengan matlamat kami untuk mencapai standard kelas dunia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada setiap ahli pasukan pengurusan dan semua kakitangan di atas komitmen dan dedikasi dalam menjadikan KWSP sebuah organisasi yang disegani pada hari ini.

Kami akan terus meningkatkan usaha keras dan kekal fokus terhadap sasaran kami untuk menyediakan perkhidmatan persaraan terbaik kepada ahli.

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya berbesar hati apabila kami mampu mengumumkan dividen sebanyak 5.70 peratus untuk 2016, satu prestasi yang cukup membanggakan jika dibandingkan dengan Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI yang merekodkan pulangan negatif untuk tiga tahun berturut-turut dengan pulangan tahun 2016 sebanyak -3.00 peratus.



DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif



“Kami mengakhiri tahun dengan pulangan pelaburan kasar (ROI) sebanyak 7.12 peratus dan jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM46.56 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 5.27 peratus berbanding RM44.23 bilion pada 2015, prestasi yang cukup membanggakan dalam keadaan ekonomi yang gawat.”

PRESTASI MANTAP PADA KALA KETIDAKTENTUAN PASARAN

Tahun 2016 menyaksikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menempuhi persekitaran pasaran yang cukup mencabar, berikutan perkembangan politik luar jangkaan kuasa yang dialami ekonomi utama di seluruh dunia, seperti undian Brexit dan keputusan Pilihan Raya Amerika Syarikat (AS).

Sepanjang tahun 2016, KWSP beroperasi dalam suasana pertumbuhan global yang tidak memberangsangkan, selain berhadapan dengan perubahan polisi kewangan oleh ekonomi utama dunia, kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi lain, nilai mata wang domestik yang lemah, pendapatan korporat yang hambar serta aliran keluar modal berskala besar dari pasaran negara baru muncul kepada pasaran negara maju serta mata wang yang lebih selamat. Kesemua faktor luaran ini telah menjadikan keadaan dagangan yang semakin mencabar, sekaligus mengurangkan peluang untuk menjana keuntungan di pasaran domestik mahupun pasaran global sepanjang suku pertama dan kedua tahun 2016.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami melihat Simpanan Syariah akan menjadi penggerak penting dalam bidang kewangan Islam dan ia juga dijangka meningkatkan permintaan terhadap instrumen kewangan patuh syariah.

Ekonomi mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada pertengahan tahun disokong oleh pengukuhan pasaran global dan kami telah pun mengambil kesempatan untuk mencairkan aset pelaburan di luar negara untuk menjana keuntungan dan melabur semula modal. Ini telah mendorong kepada prestasi suku ketiga yang lebih baik. Menjelang akhir tahun, kami sekali lagi berdepan dengan ketidakpastian pasaran disebabkan aliran keluar modal daripada pasaran domestik dan ini telah menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ringgit yang ketara.

Kami mengakhiri tahun dengan pulangan pelaburan kasar (ROI) sebanyak 7.12 peratus dan jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM46.56 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 5.27 peratus berbanding RM44.23 bilion pada 2015, suatu prestasi yang cukup membanggakan dalam keadaan ekonomi yang gawat.

Sebagai sebuah dana pelaburan berhemah, adalah perlu untuk merekodkan penyusutan nilai pasaran dalam penyata kewangan tahun 2016 di mana, kami mengisytiharkan rosot nilai bersih berjumlah RM8.17 bilion berbanding RM3.07 bilion pada 2015, selepas mengambil kira harga ekuiti yang rendah, terutamanya dalam sektor perbankan serta minyak dan gas. Namun begitu, saya berbesar hati apabila kami mampu mengumumkan dividen sebanyak 5.70 peratus untuk 2016, satu prestasi yang cukup membanggakan jika dibandingkan dengan Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI yang merekodkan pulangan negatif untuk tiga tahun berturut-turut dengan pulangan tahun 2016 sebanyak -3.00 peratus.

Ketika prestasi pasaran domestik lebih rendah daripada yang dijangkakan, strategi diversifikasi telah membantu menjana keuntungan daripada pasaran lain. Setakat 31 Disember 2016, pelaburan global kami yang membentuk 29 peratus daripada aset di bawah pengurusan (AUM) yang berjumlah RM731.11 bilion, menyumbang lebih kurang 39 peratus atau RM18.16 bilion kepada jumlah pendapatan pelaburan kasar untuk tahun yang dikaji.

Sebagai persediaan ke arah menjadi sebuah dana berjumlah satu trilion ringgit, kami merancang untuk meningkatkan pendedahan kepada pasaran global dalam tahun-tahun akan datang. Ini selaras dengan strategi KWSP untuk melaksanakan pelaburan yang berhemah dan mempelbagaikan kelas aset, geografi dan mata wang. Formula semasa kami yang menekankan kepelbagaian aset terbukti berkesan ketika berdepan dengan keadaan ekonomi mencabar, membolehkan kami beralih antara kelas aset atau pasaran berbeza mengikut kesesuaian semasa.

Kami turut menjalin usahasama strategik jangka panjang dengan pelabur terkemuka dalam sektor pelaburan infrastruktur dan hartanah, selaras dengan usaha meningkatkan pulangan portfolio kami. Berikutan kejayaan usahasama pada 2015, KWSP sekali lagi membentuk kerjasama dengan Eco World Development Group Berhad dalam membangunkan dua bidang tanah seluas 198 ekar di Ijok, Selangor untuk pembangunan bercampur kediaman dan komersial yang dikenali sebagai Eco Grandeur dan pusat perniagaan bersepadu dikenali sebagai Eco Business Park V.


Kami juga bekerjasama dengan Taliworks Corporation untuk kali ketiga melalui pengambilalihan 35 peratus kepentingan dalam syarikat pengurusan sisa SWM Environment Holdings serta dengan Ekovest Berhad dalam pemilikan Lebuhraya Duta-Ulu Klang Expressway (DUKE). Sebagai dana persaraan yang memfokus ke arah penjana kadar pulangan benar, pelaburan dalam bidang infrastruktur dan hartanah adalah seiring dengan strategi kami untuk meningkatkan pendedahan terhadap kelas aset berkaitan inflasi yang mampu memenuhi jangkaan risiko pulangan kami dan pada masa yang sama, menjana aliran tunai yang stabil.

PENGENALAN INISIATIF BAHARU

Tahun 2016 juga merupakan tahun pelaksanaan strategi jangka sederhana dan panjang, yang telah mula membuah hasil. Kesemua inisiatif ini telah diperkenalkan selepas mengambil kira pandangan ahli yang diperolehi semasa Rundingan Ahli yang dijalankan pada 2015. Antara lain, kami beralih daripada dana persaraan yang menawarkan 'satu dana, satu strategi', kini memberi pilihan kepada ahli dengan memperkenalkan Simpanan Syariah, yang pertama dan terbesar seumpamanya di dunia yang menawarkan skim persaraan patuh syariah sepenuhnya.


Semasa pendaftaran ditutup pada 23 Disember 2016, sejumlah 635,037 ahli telah bertukar dari simpanan konvensional kepada Simpanan Syariah, manakala RM59.03 bilion daripada RM100 bilion peruntukan telah digunakan. Kami menjangkakan Simpanan Syariah bakal menjadi penggerak penting dalam lanskap kewangan Islam kerana ia mampu mencetus peningkatan jumlah permintaan terhadap instrumen kewangan patuh syariah. Tambahan lagi, Simpanan Syariah adalah selaras dengan prinsip pelaburan bersifat tanggungjawab sosial, salah satu bidang yang semakin menerima sambutan oleh dunia pelaburan.

Pulangan Pelaburan Kasar (ROI)



Jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar

RM46.56 bilion
pada 2016, berbanding dengan



RM44.23 bilion
pada 2015

“Formula semasa kami yang menekankan kepelbagaian aset terbukti berkesan ketika berdepan dengan keadaan ekonomi mencabar, membolehkan kami beralih antara kelas aset atau pasaran berbeza mengikut kesesuaian semasa.”

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Apakah Akaun Emas?

Akaun Emas merupakan satu inisiatif penambahbaikan skim KWSP yang diperkenalkan kepada ahli yang telah mencapai umur 55 tahun sebagai perlindungan kedua.

Apa yang dimaksudkan dengan Akaun Emas (Pengeluaran Umur 60 Tahun)?

Kesemua caruman yang diterima dari umur 55 sehingga umur 60 tahun akan diletakkan di bawah Akaun Emas dan pengeluaran hanya boleh dibuat apabila ahli mencapai umur 60 tahun.

Mengapa Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) diperkenalkan?

Pengeluaran ini diperkenalkan selaras dengan peningkatan umur persaraan wajib daripada umur 55 tahun kepada umur 60 tahun, seperti yang dilaksanakan kerajaan pada Julai 2013.



Satu lagi inisiatif baharu pada tahun 2016 ialah pengenalan Akaun Emas. Akaun Emas diperkenalkan sebagai tabung simpanan kedua kepada ahli yang terus bekerja selepas umur 55 tahun, mengambil kira keadaan semasa di mana rakyat Malaysia mempunyai jangka hayat lebih panjang dan pada masa yang sama berhadapan dengan kekurangan simpanan persaraan. Kesemua caruman yang diterima dari umur 55 sehingga umur 60 tahun akan diletakkan di bawah Akaun Emas dan pengeluaran hanya boleh dibuat apabila ahli mencapai umur 60 tahun. Selaras dengan peningkatan umur persaraan rasmi di Malaysia iaitu 60 tahun, Akaun Emas akan melanjutkan fasa pengumpulan simpanan ahli dan juga membantu memendekkan tempoh kebergantungan kepada simpanan persaraan.

Peringkat umur terakhir untuk pembayaran dividen kepada ahli juga telah dilanjutkan kepada umur 100 tahun berbanding 75 tahun sebelum ini, setelah mengambil kira realiti di mana ramai ahli yang kini hidup dan bekerja untuk tempoh masa yang lebih lama. Lanjutan tempoh pembayaran dividen juga akan menjamin pertumbuhan berterusan untuk simpanan terkumpul ahli.

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN DALAM PERKHIDMATAN TERAS

Kami di KWSP sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti perkhidmatan kepada ahli kami yang kini berjumlah 14.81 juta orang dan semakin bertambah. Sejak beberapa tahun yang lalu, kami telah berusaha gigih untuk mengurangkan jumlah transaksi kaunter, untuk digantikan dengan perkhidmatan atas talian dan aplikasi mudah alih. Kami juga secara konsisten meneroka cara terbaharu untuk menambah baik pengalaman

atas talian. Hasilnya, tahun 2016 menyaksikan platform atas talian kami seperti i-Akaun, Kios KWSP dan laman sesawang myEPF berkembang menjadi platform pilihan ahli untuk berurusan dengan KWSP, dengan pertumbuhan kukuh dalam jumlah pengguna yang direkodkan pada setiap suku tahun. Ia turut membanggakan apabila kami telah mengakhiri tahun 2016 dengan jumlah pendaftaran i-Akaun ahli dan majikan sebanyak 3.93 juta.

Kami berada atas landasan betul dalam mencapai sasaran 80 peratus transaksi atas talian menjelang tahun 2020. Penggunaan teknologi juga berperanan dalam mengurangkan kos operasi. Pada 25 mata asas untuk setiap AUM, KWSP merupakan salah satu pengurus dana paling efisien di dunia berdasarkan mata asas berkenaan, walaupun jumlah transaksi terus menunjukkan pertumbuhan dua digit setiap tahun.

Melalui kerjasama dengan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia dan pengendali penyelesaian pembayaran atas talian FPX, kami telah melancarkan Program Transformasi Pembayaran e-Caruman pada Oktober 2016, salah satu inisiatif untuk menggalakkan majikan membuat caruman bulanan menggunakan fasiliti FPX. Kami menjangka lebih banyak majikan bakal membuat peralihan kepada e-Caruman selaras usaha kami untuk menghentikan penyerahan manual Borang A secara berperingkat.

Fasiliti e-Pengeluaran, di mana ahli boleh menghantar permohonan pengeluaran menerusi atas talian, turut merekodkan pertumbuhan penggunaan, setelah kemudahan Pengeluaran Pendidikan atas talian diperkenalkan. Berikutan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

pengenalan Pengeluaran Perumahan melalui e-Pengeluaran yang disambut baik, kemudahan Pengeluaran Pendidikan melalui e-Pengeluaran telah dilancarkan dan ditambah baik dengan peningkatan penyertaan oleh institusi kewangan dan institusi pendidikan tinggi. Kami sedang berusaha untuk meningkatkan penglibatan pihak ketiga dalam fasiliti e-Pengeluaran untuk manfaat dan kemudahan ahli.

Perluasan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) kepada 18 cawangan KWSP seluruh negara bertujuan mendedahkan ahli kepada kepentingan perancangan kewangan sebagai persediaan ke arah kehidupan persaraan yang lebih selesa, serta pelbagai cara untuk meningkatkan simpanan mereka bagi menepuhi usia tua seperti memilih untuk membuat pengeluaran secara berjadual bagi menjamin kemampunan aliran pendapatan selepas ahli bersara.

Kami amat teruja apabila RAS berjaya mendapat pengiktirafan daripada WorldPensionSummit dalam kategori inovasi perkhidmatan persaraan - KWSP merupakan dana persaraan pertama di rantau ini dan kedua di dunia yang menyediakan perkhidmatan sedemikian secara bebas, percuma dan terbuka kepada semua ahli. Ketika ini, kami dalam proses memperluaskan perkhidmatan tersebut kepada 10 lagi cawangan sebelum akhir tahun 2017. Menjelang tahun 2018, kami mensasarkan kesemua 67 cawangan akan menyediakan RAS. Kami juga merancang untuk memperluaskan RAS, serta mendekati komuniti luar bandar agar mereka dapat menikmati perkhidmatan kami menerusi platform elektronik dan mudah alih.

MENUJU KE HADAPAN

Kami akan membuat tindakan susulan terhadap semua inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2016, di samping menggiatkan lagi usaha penambahbaikan perkhidmatan teras kami. Selaras dengan perubahan demografi populasi, jumlah generasi millenium yang agak besar dijangka memasuki alam pekerjaan maka kami harus bergerak seiring dengan gaya hidup dan cita rasa generasi akan datang. Oleh itu, kami telah membuat pelaburan bersesuaian dalam pembinaan infrastruktur, bakat, kapasiti dan keupayaan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Kami bersiap sedia menepuhi satu lagi tahun yang mencabar dari segi prestasi pasaran, memandangkan ketidakpastian pasaran global yang berterusan dan pelbagai implikasi dari Brexit. Dasar pemencilan yang semakin diamalkan kepimpinan AS serta faktor geopolitik lain juga menyumbang kepada ketidakpastian pada masa hadapan.



Kami amat teruja apabila RAS berjaya mendapat pengiktirafan daripada WorldPensionSummit dalam kategori inovasi perkhidmatan persaraan. KWSP merupakan dana persaraan pertama di rantau ini dan kedua di dunia yang menyediakan perkhidmatan sedemikian secara bebas, percuma dan terbuka kepada semua ahli.

Sebagai dana persaraan, kami kekal komited kepada strategi pelaburan jangka panjang dan terus melabur dalam aset seperti infrastruktur, hartanah, sumber asli dan ekuiti swasta. Kelas aset ini memenuhi objektif pelaburan kami dengan menawarkan pulangan yang stabil dan konsisten, dan pada masa yang sama menjadi pelindung nilai ketika berdepan dengan inflasi.

Kami sedar bahawa apa yang dilakukan sekarang akan memberi kesan kepada generasi masa hadapan. Komitmen kami kepada ahli melangkaui penyediaan perkhidmatan terbaik, tadbir urus yang kukuh dan aktiviti pelaburan berhemah. Penerimaan Anugerah Institusi Terbaik untuk rantau Asia Tenggara daripada Asian Investor pada 2016 merupakan pengiktirafan terhadap pelbagai inisiatif progresif yang dilaksanakan KWSP, termasuk menggalakkan kepelbagaian perwakilan dalam Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan; meletakkan rangka kerja tadbir urus yang terbaik bagi memastikan disiplin dan ketelusan; diversifikasi pelaburan melangkaui kelas aset, geografi dan mata wang; mengamalkan pelaburan ESG, menggalakan pelaburan bersama dan kerjasama strategik; dan tidak dilupakan, menjadi dana persaraan pertama yang menawarkan pilihan simpanan patuh syariah kepada ahli.

Dengan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan KWSP yang sedang atau telah tamat perkhidmatan atas dedikasi dan profesionalisme mereka dalam menghadapi satu lagi tahun yang mencabar. Saya berbesar hati dapat bekerjasama dengan pasukan pengurusan yang berkeupayaan tinggi, kerana tanpa usaha mereka, segala pencapaian sepanjang tahun tidak mampu menjadi kenyataan. Saya turut terhutang budi kepada Pengerusi, Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan di atas bimbingan strategik, kebijaksanaan dan sokongan yang diberikan, begitu penting terutamanya ketika berhadapan dengan situasi yang cukup mencabar.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli dan majikan atas sokongan berterusan terhadap inisiatif kami. Saya berharap anda akan terus aktif terlibat dalam wacana umum membincangkan topik persaraan dan kepentingan keselamatan sosial. Saya berharap untuk meneruskan kerjasama rapat dalam membina masa depan persaraan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif